JENDERAM HILIR, SEPANG

Jenderam Hilir terletak di bawah mukim Dengkil dan berada di dalam pentadbiran Majlis Daerah Sepang. Dari sudut geografi, Jenderam Hilir terletak antara pertemuan Sungai Langat dan Sungai Semenyih. Lokasinya adalah sekitar 6 kilometer dari Pekan Dengkil.

Jenderam Hilir merupakan kawasan petempatan terawal yang wujud di Selangor bermula sejak zaman prasejarah iaitu kira-kira 3,700 tahun yang lalu. Jenderam Hilir dianggap menarik kerana kawasan itu merupakan sebuah tapak Neolitik terbuka (open Neolithic site) yang jarang ditemui di negara kita. Kebiasaannya tapak-tapak Neolitik yang ditemui di negara kita berada di kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil seperti di Gua Cha, Kelantan dan Gua Niah, Sarawak. Berdasarkan pentarikhan radiokarbon, petempatan tapak Neolitik Jenderam Hilir ini telah diberi tarikh mutlak iaitu kira-kira 1950-1830 SM. Jenderam Hilir dikategorikan sebagai tapak Zaman Neolitik akhir.

Penyelidik terdahulu membuktikan bahawa masyarakat Neolitik di Jenderam Hilir mengamalkan cara hidup yang sedenteri (menetap). Mereka menetap di kawasan yang lebih subur berhampiran tebing Sungai Langat dan menjalankan aktiviti pertanian. Menurut Stephen Chia (1998) tembikar-tembikar yang ditemui di Jenderam Hilir adalah merupakan buatan tempatan. Hasil kajian analisis sinar-X terhadap beberapa sampel tembikar dari Jenderam Hilir telah menunjukkan bahawa tembikar-tembikar ini diperbuat daripada tanah liat yang diambil dari kawasan tempat mereka menetap. Ini membuktikan bahawa tembikar-tembikar itu ialah buatan masyarakat Neolitik Jenderam Hilir dan bukannya barangan yang dibawa dari luar.

Data-data arkeologi di Jenderam Hilir juga menunjukkan terdapat bukti bahawa tapak tersebut merupakan sebuah tapak pelbagai komponen (multi component site). Selain daripada penemuan tinggalan-tinggalan Neolitik, pengkaji turut menemui artifak-artifak seperti kendi, jongkong timah dan pendayung sampan yang merupakan tinggalan dari zaman yang lebih lewat iaitu Zaman Protosejarah.

Jenderam Hilir is situated in the Dengkil district and it is a part of the Sepang District Council administration. Geographically, Jenderam Hilir is situated between the confluence of the Langat River and the Semenyih River. The location is around 6 kilometres from the Dengkil Town.

Jenderam Hilir is the oldest settlement area in Selangor, which has existed since prehistoric times, around 3,700 years ago. Jenderam Hilir is considered interesting as it is an open Neolithic site rarely found in our country. These Neolithic sites found in our country are in remote areas such as Cha Caves, Kelantan and Niah Caves in Sarawak. According to carbon dating, the Neolithic settlement in Jenderam Hilir has been given a specific date of approximately 1950-1830 BC. Jenderam Hilir is categorised as a late Neolithic site.

Previous researchers have proven that the Neolithic society in Jenderam Hilir practised a sedentary lifestyle. They lived on fertile land close to the Langat River riverbank and carried out agricultural activities. According to Stephen Chia (1998), the pottery found in Jenderam Hilir was locally made. X-ray analyses on several pottery samples from Jenderam Hilir show that these pots were made from clay that was taken from the place where they lived. This shows that the pottery was made by the Neolithic society in Jenderam Hilir and not brought in from elsewhere.

The archaeological data in Jenderam Hilir also shows evidence that the site itself is a multi-component site. Other than the discovery of Neolithic remains, researchers have also found pitchers, tin ores, and boat paddles, which were the remains of a later period, the Protohistoric Period.

